

GERAKAN buktikan kuota perumahan bumi 70%
Malaysiakini.com
October 18, 2010

Ketua Pemuda Gerakan Kedah Tan Keng Liang hari ini menunjukkan surat daripada Pejabat Tanah dan Galian Kedah untuk membuktikan dakwaannya bahawa kerajaan Kedah telah menaikkan kuota perumahan kepada 70 peratus untuk Bumiputera di negeri itu.

"Semalam Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak meminta menunjukkan bukti, jadi hari ini saya tunjukkan bukti itu," katanya kepada pemberita di pejabat Gerakan di Alor Setar hari ini.

Katanya beliau bukan hendak mencabar Azizan tetapi beliau mahu Menteri Besar menyelesaikan masalah itu dengan segera.

"Pada Disember 2009, mereka (kerajaan negeri) mengatakan isu itu telah selesai tetapi apabila terdapat pemaju menerima surat daripada PTG berkaitan dengan kenaikan kuota sehingga 70 peratus, saya rasa tertipu dengan janji-janji kerajaan negeri," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya, Pembangunan Luar Bandar dan Basmi Kemiskinan Datuk Phahrolrazi Zawawi dalam satu kenyataan di Alor Setar hari ini berkata dakwaan yang dibuat oleh pemimpin MCA dan Gerakan tentang syarat pemilihan untuk Bumiputera dinaikkan sehingga 70 peratus adalah tidak benar.

"Apa yang sebenarnya berlaku ialah sebuah syarikat pemaju membuat permohonan kepada saya untuk menjual 30 peratus kepada bukan Bumiputera, syarat yang dibuat adalah atas permintaan pemaju itu sendiri," katanya.

Berkaitan isu kuota 50-50 yang dimanipulasikan oleh MCA dan Gearakan, beliau berkata ia cuma sekitar 15 peratus daripada tanah yang dimajukan.

"Kira-kira 70 peratus lagi adalah berstatus milikan bebas iaitu kuota untuk Bumiputera hanya 30 peratus, bermakna bukan Bumiputera boleh membeli sehingga 70 peratus.

"Memandangkan bukan Bumiputera hanya merupakan 22.6 peratus dari penduduk Kedah maka mereka tiada masalah langsung untuk membeli rumah di negeri ini kerana peluang untuk mereka memiliki rumah sangat besar," katanya.

--Bernama